

24 DEC 1997

ISA-Karpal

KARPAL KEMUKA PERMOHONAN BARU PEMBEBASAN DUA PENSYARAH

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Satu permohonan baru writ habeas corpus telah difailkan untuk pembebasan dua orang pensyarah yang ditahan semula selepas dibebaskan daripada tahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Peguam mereka Karpal Singh, yang memfailkan permohonan itu di sini hari ini turut merayu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya segera mengarahkan pembebasan profesor Universiti Malaya Lutpi Ibrahim dan pensyarah Institut Teknologi Mara Fadzlullah Shuib.

Kedua-dua keluarga penyarah itu "amat sedih dan kecewa" dengan penahanan semula itu dan berharap Perdana Menteri menjadi perantara untuk membetulkan keadaan, kata Karpal dalam satu kenyataan.

Satu afidavit untuk menyokong permohonan itu juga difailkan oleh isteri Lutpi, Hafsah Hussin, di Mahkamah Tinggi di sini hari ini bagi memohon pembebasan mereka.

Dalam afidavitnya, Hafsah, antara lain, berkata tangkapan semula dan penahanan mereka oleh polis membawa kepada penghinaan Mahkamah disebabkan mereka telahpun dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Lutpi dan Fadzlullah ditahan semula beberapa minit selepas mereka meninggalkan mahkamah di Jalan Raja di sini pada Isnin berikutan pembebasan mereka.

Sabtu lepas, Mahkamah Tinggi mengarahkan kedua-dua lelaki itu dibawa ke mahkamah pada Isnin untuk membolehkan mereka dibebaskan selepas keputusan bahawa penahanan mereka mengikut ISA tidak sah.

Mereka ditahan pada 7 Nov kerana didakwa terbabit dalam menyebarkan ajaran Syiah di negara ini yang dianggap kerajaan mengancam keselamatan negara dan perpaduan umat Islam. -- BERNAMA

AZZ RON